

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19 Disember 2016**

**SOALAN**

DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memantapkan lagi mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan terhadap TASKA-TASKA milik swasta bagi memastikan kualiti asuhan kanak-kanak sentiasa terjamin.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil tindakan memantapkan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan terhadap TASKA-TASKA milik swasta bagi memastikan kualiti asuhan kanak-kanak sentiasa terjamin melalui : 1) Peruntukan perundangan; Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 telah dibuat pindaan pada tahun 2007. Di antara penambahbaikan yang dibuat semasa pindaan akta ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan pendaftaran (contohnya : memanjangkan tempoh perakuan pendaftaran yang sebelum ini 12 bulan kepada 60 bulan, mengurangkan karenah birokrasi dalam memproses permohonan mendapatkan perakuan pendaftaran TASKA iaitu penurunan kuasa kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri untuk mengeluarkan perakuan pendaftaran. Dalam pindaan tersebut, dua kategori TASKA telah dimasukkan iaitu TASKA Komuniti dan Taska di Tempat Kerja manakala dari segi penguatkuasaan penambahbaikan yang telah dibuat semasa pindaan Akta ialah meningkatkan kadar penalti dan hukuman daripada nilai denda RM1,000 kepada RM10,000 dan menambah hukuman boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya, menambah peruntukan baru semasa pindaan Akta iaitu kesalahan yang dibuat oleh pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan juga boleh didakwa, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa. 2) Pemeriksaan dan Operasi Pengesanan TASKA Tidak Berdaftar KPWKM dilaksanakan secara: (a) Menjalankan aktiviti pengesanan ke TASKA tidak berdaftar sepanjang masa dan memberi peringatan supaya berdaftar dengan JKM ; (b) Menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke premis TASKA oleh Pegawai Diberikuasa; (c) Mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 seperti Arahan Bertulis, Tutup Sementara, Batal Pendaftaran, Lak, Kompaun dan menjalankan pendakwaan di Mahkamah; dan Hasil daripada pengesanan yang dibuat, sebanyak 983 TASKA tidak berdaftar telah dikenalpasti sehingga Ogos 2016. Sehingga 30 September 2016 sebanyak 894 buah TASKA di seluruh Malaysia telah dilakukan pemantauan dan pemeriksaan iaitu 496 pemantauan berkala dan 398 pemeriksaan mengejut. Pemantauan ini dibuat dengan melihat secara menyeluruh tentang pengurusan serta mengukur kualiti asuhan dan penjagaan di TASKA. Selain daripada itu, KPWKM juga membuat Penilaian Akreditasi TASKA (JKKQIS) bagi memastikan kualiti asuhan kanak-kanak berada pada tahap yang terbaik dan sentiasa dikawal kualitinya. Penilaian Akreditasi TASKA ini merupakan Key Performance Indicator (KPI) kepada YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2016 dengan sasaran sebanyak 600 buah TASKA dinilai untuk mengukur sama ada kualiti asuhan dan penjagaan kanak-kanak memenuhi standard minimum yang ditetapkan atau pun sebaliknya. Dari segi tindakan penguatkuasaan pula, bermula Januari sehingga September 2016, JKM telah mengeluarkan Arahan Bertulis kepada 45 buah TASKA, 8 buah TASKA diambil tindakan lak, 11 buah TASKA dikenakan tindakan kompaun, 3 buah TASKA dikenakan tindakan tutup sementara, 65 buah TASKA dibatalkan pendaftaran, dan 8 buah TASKA telah didakwa. Selain itu, JKM juga sentiasa menjalankan pemantauan bagi TASKA tidak berdaftar supaya kewujudan mereka dikenalpasti dan diberi peringatan untuk berdaftar. Kempen Jom Daftar sentiasa dianjurkan di peringkat negeri dengan tujuan menyampaikan maklumat dan menyeru pengusaha TASKA tampil untuk berdaftar. Jika TASKA yang berkenaan masih enggan berdaftar walaupun telah diberi bimbingan dan nasihat, maka pengusaha TASKA tidak berdaftar tersebut boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan mahu pun pendakwaan. Jika sabit kesalahan, pengusaha TASKA boleh: 1. Didenda tidak lebih RM10,000.00 atau dipenjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali; dan 2. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, boleh didenda tidak lebih RM20,000.00 atau dipenjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Sebagai kesimpulan, KPWKM dari semasa ke semasa berusaha memantapkan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan terhadap TASKA-TASKA swasta bagi memastikan kualiti asuhan kanak-kanak sentiasa terjamin. Walau bagaimanapun, usaha berterusan dan kerjasama bersepadu daripada semua pihak iaitu agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat diperlukan bagi memastikan aspek keselamatan, pengasuhan yang sesuai mengikut umur, aktiviti yang sesuai dengan perkembangan kognitif, fizikal, emosi dan spiritual kanak-kanak ini dapat dijayakan.



